

PUNAI BAKOK
Large Green Pigeon

FAMILI: Columbidae
NAMA SAINTIFIK: *Treron capellei*

CIRI-CIRI

Individu jantan dewasa mempunyai lingkaran keliling mata dan kaki berwarna kuning, bahagian atas badan berwarna hijau, keseluruhan kepala berwarna hijau, kelabu di sekitar muka dan tompok dada berwarna perang kekuningan yang jelas kelihatan. Bulu pahat bawah sayap berwarna coklat. Individu betina sama seperti individu jantan tetapi tompok dada berwarna kekuningan, bulu pahat bawah ekor berwarna kuning cair dengan bintik hijau gelap. Panjang keseluruhan bagi individu dewasa ialah 35.5-36.5 sm.

MAKANAN

Secara umum, dietnya terdiri daripada buah-buahan.

HABITAT

Habitat yang sesuai bagi spesies ini ialah di hutan dipterokarp, hutan paya air tawar pinggir hutan dan kawasan yang telah ditebang, sehingga ke ketinggian 200 m dari aras laut. Ianya juga boleh ditemui sehingga ke ketinggian 1,220 m tetapi agak jarang. Spesies ini biasa ditemui mencari makan di pokok ara.

BUNYI

Spesies ini mengeluarkan siri bunyi *oo-oo-aah oo-oo-aah aa-aa-aah* dan *oooOOah oo-aah* yang pelbagai.

PEMBIAKAN

Musim pembiakan bagi spesies ini adalah di antara bulan Februari hingga Julai. Individu betina hanya menghasilkan sebiji telur berwarna putih semasa musim pembiakan. Sarangnya berbentuk seperti platform, dibina pada dahan pokok, tiga hingga empat meter ketinggian dari tanah.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara.